



28 Februari 2013  
28 February 2013  
P.U. (A) 66

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH MAHKAMAH RAYUAN  
(PINDAAN) 2013

*RULES OF THE COURT OF APPEAL  
(AMENDMENT) 2013*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

## AKTA MAHKAMAH KEHAKIMAN 1964

## KAEDAH-KAEDAH MAHKAMAH RAYUAN (PINDAAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 17 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [*Akta 91*] dan dengan persetujuan Ketua Hakim Negara, Jawatankuasa Kaedah-Kaedah membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan (Pindaan) 2013**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2013.

**Pindaan kaedah 17**

2. Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan 1994 [*P.U. (A) 524/1994*], yang disebut sebagai “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam subkaedah 17(1) dengan menggantikan perkataan “lima ratus” dengan perkataan “satu ribu”.

**Penggantian Jadual Kedua**

3. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Kedua dengan jadual yang berikut:

**“JADUAL KEDUA***Fi Mahkamah*

(Kaedah 56)

|  | RM     |
|--|--------|
| 1. Notis Rayuan dan Notis Rayuan Balas | 600.00 |
| 2. Apa-apa Permohonan Interlokutori    | 100.00 |
| 3. Memorandum Rayuan                   | 100.00 |
| 4. Atas permohonan penyediaan Indeks   | 100.00 |

|    |  |        |
|----|--|--------|
| 5. | (a) Perintah terhadap apa-apa permohonan interlokutori | 100.00 |
|    | (b) Perintah muktamad mengenai rayuan                  | 200.00 |
| 6. | Notis Usul   | 180.00 |
| 7. | Fi Carian  | 12.00” |

Dibuat 27 Februari 2013  
[JK/MP 322 Jld. 11; PN(PU2)153/XV]

Jawatankuasa Kaedah-Kaedah:

TUN ARIFIN BIN ZAKARIA  
*Ketua Hakim Negara, Malaysia*

TAN SRI ABDUL GANI PATAIL  
*Peguam Negara, Malaysia*

TAN SRI DATO' SERI MD. RAUS BIN SHARIF  
*Presiden Mahkamah Rayuan, Malaysia*

TAN SRI DATO' SERI ZULKEFLI BIN AHMAD MAKINUDIN  
*Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya*

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA RICHARD MALANJUM  
*Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak*

DATO' AHMAD BIN HJ. MAAROP  
*Hakim Mahkamah Persekutuan*